



Perkara VII

PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN

"Perpustakaan perlu menjadi satu pusat pembelajaran yang selesa serta merangsang minda. Tidak ketinggalan, Perpustakaan mesti menyediakan pengalaman yang mengujakan selain perkhidmatan fokus pelanggan' ujar Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) semasa menyampaikan ucapan bertajuk "Mengangkasa Perpustakaan Di Malaysia" pada Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia 2012.

Untuk menjadikan perpustakaan sebagai satu pusat yang merangsang minda serta pusat percambahan ilmu universiti, pengurusan perpustakaan perlu lebih bijak dalam urustadbir kewangan serta pengurusan fiskal yang kian mencabar.

Peruntukan yang mencukupi diperlukan bagi memperkasa pertumbuhan koleksi bacaan dan rujukan dalam pelbagai format serta menaiktaraf infrastruktur dan perkhidmatan sedia ada di Perpustakaan utama dan cawangan. Selaras dengan pembukaan operasi perpustakaan utama dan pematapan perpustakaan cawangan, perpustakaan telah menikmati peruntukan tahunan berjumlah RM3,793,799.60. Peruntukan berkenaan dimanfaatkan untuk memperkaya sumber maklumat ilmiah bagi memenuhi keperluan maklumat warga UniMAP. Carta 1 di bawah menunjukkan jumlah perolehan peruntukan perpustakaan dari tahun 2007 hingga 2012.



Carta 1 : Jumlah Peruntukan Tahunan 6 Tahun : 2007 - 2012

AKSES KEPADA MAKLUMAT

Akses kepada maklumat merupakan salah satu proses perkhidmatan utama Perpustakaan Tuanku Syed Faizudin Putra. Perkhidmatan akses kepada maklumat ditawarkan melalui pinjaman bahan, pembaharuan pinjaman, rujukan bahan ilmiah serta capaian kepada sumber elektronik.



Carta 2 : Jumlah Pinjaman Bahan dan Muat Turun Sumber Maklumat Elektronik (2007-2012)

Carta di atas menunjukkan transaksi pinjaman telah meningkat sebanyak 29.6% dari 27,286 transaksi pada tahun 2011 kepada 35,362 transaksi pada tahun berikutnya. Fenomena yang sama berlaku pada jumlah muat turun. Carta 2 juga menunjukkan sebanyak 541,708 teks penuh telah dirujuk pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya 507,523 teks penuh.


Memperkasa Akses Kepada Maklumat Melalui Sistem Capaian Bersepadu

Sebagai sebuah perpustakaan hibrid, Perpustakaan Tuanku Syed Faizudin Putra perlu giat memperkasa sumber maklumat dalam pelbagai format serta memastikan semua sumber maklumat tersebut berupaya diakses oleh pengguna melalui satu sistem capaian maklumat bersepadu. Justeru itu, Perpustakaan Tuanku Syed Faizudin Putra telah mengambil inisiatif untuk muncul sebagai pengguna pertama sistem bersepadu, OCLC WorldCat Local di Malaysia bagi memenuhi hasrat tersebut.

Pemeriksaan Sumber Maklumat

Carta 3 menunjukkan perkembangan pesat sumber maklumat perpustakaan bagi tempoh 6 tahun. Koleksi sumber maklumat perpustakaan telah meningkat sebanyak 16.48% iaitu pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, koleksi elektronik dilihat telah menjadi penyumbang utama dalam pembangunan koleksi Perpustakaan Tuanku Syed Faizudin Putra. Trend ini terhasil disebabkan oleh keadaan fizikal kampus yang teragih yang melebihi 25 lokasi di sekitar Perlis.



Permeriksaan Sumber Maklumat Bagi Tempoh Masa 6 Tahun : 2007 - 2012



	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Koleksi Buku Bercetak	28,281	31,760	36,553	39,244	41,660	44,980
Koleksi Buku Elektronik	10,269	56,534	1,272,734	1,305,231	1,310,608	1,527,289
Koleksi Jurnal Elektronik	7,180	8,767	9,298	13,796	14,126	20,003
Koleksi Bahan Media	3,546	3,789	4,325	5,017	5,575	5,911
Koleksi Jurnal Bercetak	128	130	131	129	342	347

Carta 3 : Permeriksaan Sumber Maklumat Bagi Tempoh Masa 6 Tahun : 2007 - 2012

PERKEMBANGAN KOLEKSI ELEKTRONIK



Carta 4 : Koleksi Sumber Maklumat Elektronik 2010 - 2012

Carta 4 menunjukkan perkembangan koleksi buku atau monograf dan jurnal berformat elektronik. Buku elektronik telah mencecah sebanyak 1,555,825 judul pada tahun 2012 dengan majoriti bahan daripada penerbit ilmiah antarabangsa. Manakala, jurnal elektronik daripada penerbit saintifik pula telah mencecah 20,003 judul pada tahun 2012.

Faktor tingkah laku generasi Y yang terdedah kepada sumber langit terbuka dan kecanggihan *gadget* menyebabkan koleksi ini sering menjadi pilihan. Koleksi elektronik ini juga membenarkan pengguna membuat carian melalui pelbagai pendekatan, akses 24 jam x 7 hari selain membenarkan proses muat turun, cetak dan simpan.

Pada tahun 2012, Perpustakaan telah membelanjakan kurang lebih tiga per empat peratus (3/4 %) daripada peruntukan keseluruhan Perpustakaan bagi tujuan memperkasa koleksi ini. Sehingga kini berjumlah sebanyak 42 pangkalan data komersil telah dilanggan bagi memenuhi keperluan warga UniMAP. Antara pangkalan komersil baru yang dilanggan adalah *MYiLibrary*, *Elsevier eTextbook*, *WizFolio* dan *LibGuides & LibAnswers*.

Pangkalan data komersil yang dilanggan adalah terdiri e-jurnal, e-buku, e-tesis, e-berita, e-piawaiian, e-rujukan, perisian bibliografi dan pangkalan data pengurusan maklumat (lihat Jadual 1).

PERPUSTAKAAN

Jenis Pangkalan Data	Bilangan	Pangkalan Data
Jurnal & Majalah Elektronik	20	ACM Digital Library
		ASME
		Academic Source Premier
		Business Source Complete
		Emerald ManagementXtra
		IEEE Xplore
		IOP Science
		Journal Citation Reports
		ScienceDirect
		SIAM Locus
		SpringerLink e-journals
		Wiley Online Library
		Times Higher Education
		Current Law Journal
		Sensor & Transducer Journal
		International Journal of Industrial Engineering : Theory, Application and Practice
		Sensor Letters
		SAE International Journals - International Journal of Engines International - Journal of Fuels and Lubricants
		JSTOR
		Journal of Micro/Nanolithography, MEMS and MOEMS
Berita	1	BERNAMA Library Information Science (BLIS)
Buku Elektronik	10	EngNetBASE
		Knovel
		Springer e-books Collection
		McGraw Hill Access Engineering
		Ebrary
		Gale Virtual Reference Library
		Emerald E-Book Series
		Ebsco eBooks
		MYiLibrary
		Elsevier eTextbook
Pangkalan Data Sitasi	1	Scopus
Koleksi Rujukan	4	Britannica Online
		McGraw Hill Access Science
		Oxford Reference Online Premium
		Datamonitor - Marketline
Piawaian	2	Malaysian Standards Online
		ASTM Standards Online
Tesis	1	Proquest Dissertation & Theses
Pengurusan Sitasi	2	EndNote
		Wizfolio
Enjin Pencari	1	WorldCat Local

Jadual 1 : Senarai Nama dan Bilangan Pangkalan Data Mengikut Jenis sehingga Disember 2012

Sistem Repositori Digital

Sistem Repositori Digital telah dibangunkan oleh Perpustakaan UniMAP pada tahun 2008 dengan menggunakan perisian Dspace yang dibangunkan oleh *Massachusetts Institute of Technology* (MIT) dan *Hewlett Packard* (HP). Ia dibangunkan khusus untuk mengumpul, menyimpan, memelihara dan menyebarkan kandungan ilmiah yang telah dihasilkan oleh warga UniMAP. Antara bahan yang disimpan di dalam Sistem Repositori Digital adalah tesis dan disertasi, keratan akhbar, projek akhir tahun, kertas persidangan, artikel jurnal, kertas peperiksaan tahun lepas, bank rujukan, imej digital, ucapan, fakta universiti dan sebagainya.

Pada tahun 2009, Sistem Repositori Digital Perpustakaan telah diliputi dengan enjin *Google* dan *Google Scholar*. Ia menyediakan kemudahan kepada pengguna internet untuk mengesan, menemui dan memanfaatkan sumber ilmiah yang dihasilkan oleh warga UniMAP.


Objektif utama sistem repositori ini dibangunkan adalah untuk meningkatkan perkongsian ilmu, meningkatkan impak skor sitasi, meningkatkan akses kepada maklumat tempatan dan menjadi sumber rujukan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Sehingga Disember 2012, Perpustakaan UniMAP telah memuatnaik sebanyak 23,378 bahan ilmiah ke dalam Sistem Repositori Digital. Carta di bawah menunjukkan perkembangan koleksi repositori digital.



Carta 5: Perkembangan Koleksi Repositori Digital (2009-2012)

Selain itu, Perpustakaan juga telah berjaya untuk menempatkan sistem repositori ini ke dalam senarai 'Ranking of World Repositories'. Pada tahun 2012, Perpustakaan telah memperoleh kedudukan tempat ke-219 peringkat dunia dan tempat ke-2 di peringkat Malaysia.

FingerTips

 Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)



FingerTips adalah sistem pengurusan dokumen (Document Management System (DMS)) yang dimanfaatkan oleh Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra untuk mengindeks, menyimpan dan memperoleh semula bahan ilmiah berkaitan program pengajaran di UniMAP.

Objektif utama Perpustakaan memperoleh perisian ini adalah untuk memperluaskan akses pengguna kepada artikel-artikel tempatan bagi tujuan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan. Perpustakaan telah mengambil inisiatif untuk memuatnaik artikel-artikel tempatan dalam pelbagai bidang antaranya keusahawanan, perniagaan, kemasyarakatan dan sebagainya. Sehingga Disember 2012, sebanyak 2,989 artikel telah dimuatnaik untuk dimanfaatkan oleh pengguna.

Kemudahan eBook Reader



PERPUSTAKAAN

Perpustakaan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan terkini kepada pengguna Perpustakaan. Pada tahun 2012, Perpustakaan telah memperkenalkan kemudahan terbaru iaitu kemudahan *eBook Reader*. Ia membolehkan pengguna mengakses sumber maklumat elektronik seperti artikel penyelidikan universiti, muzik, eBooks dan koleksi video ilmiah.

Kemudahan ini disediakan di Bilik Koleksi Multimedia, Aras 2, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Kampus Pauh. Selain *eBook reader Kindle Fire*, Perpustakaan juga menawarkan kemudahan pinjaman *headphone* untuk kegunaan pengguna.

Program Literasi Maklumat



Menurut *Society of College, National and University Libraries* (SCONUL), program literasi maklumat merangkumi program pendidikan pengguna, bengkel kemahiran maklumat serta bidang-bidang berkaitan dengan penggunaan maklumat di dalam pengajaran, penyelidikan di institusi pengajian tinggi.

Program-program literasi sebegini telah lama dipraktikkan di dalam sistem pendidikan di Malaysia tetapi ia dilaksanakan dengan kaedah yang berbeza mengikut keperluan institusi menurut Profesor Dr. Nor Edzan menerusi artikel beliau "Information Literacy Development In Malaysia : A Review".

Di UniMAP, program literasi maklumat tidak terhad kepada pengesanan sumber maklumat ilmiah sahaja. Ia diperluaskan kepada kemahiran pengurusan bibliografi, semakan ketulenan hasil penulisan ilmiah dan pengumpulan maklumat penerbitan berimpak.

Pada tahun 2012, program ini mendapat sambutan baik dari seluruh warga UniMAP terutama para pelajar dan kakitangan

akademik. Carta 6 menunjukkan jenis program pendidikan pengguna dan bilangan peserta program yang telah mencapai 4,007 peserta.



Carta 6 menunjukkan jenis program pendidikan pengguna

SCOPUS : Penerbitan Terindeks

Kepentingan Scopus sebagai sumber pangkalan data sitasi dan penerbitan berimpak telah dikenal pasti oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semenjak tahun 2008. Sejak itu, langganan kepada Scopus untuk semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah ditaja oleh pihak KPT.

Ia kini menjadi sumber data kepada para penyelidik UniMAP untuk mempraktikkan hasil penyelidikan berimpak disebarluaskan kepada para penyelidik seluruh dunia. Carta 7 menunjukkan jumlah penerbitan terindeks UniMAP dari tahun 2003-2012.



Carta 7 : Penerbitan terindeks di dalam Scopus dari tahun 2003-2012